Nama ……. Kelas …….

900/1 (U1) 2021 **STPM**

900/1 2022

SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA

PENGAJIAN AM

KERTAS 1 (ULANGAN 1) 2021 DAN KERTAS 1 2022

PANITIA PENGAJIAN AM SMK DATUK MANSOR

2 JAM

Arahan kepada calon:

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA ANDA DIBENARKAN BERBUAT DEMIKIAN

*Jawab **semua** soalan dalam bahagian A. Tandakan jawapan Yang betul pada borang jawapan aneka pilihan anda*

*Jawab **semua** soalan dalam bahagian B. tulisa jawapan dalam ruang yang telah disediakan*

*Jawab **dua** soalan sahaja dalam bahagian C. Anda boleh menjawab semua soalan **tetapi** hanya **dua** jawapan pertama sahaja akan diperiksa*

Tulis jawapan pada helaian jawapan yang anda sediakan. Mulakan setiap jawapan pada helaian jawapan yang baharu

Untuk kegunaan pemeriksa	
Bahagian A	
Bahgian B	
16	
17	
18	
19	
Bahagian C	
Jumlah	

Kertas soalan ini terdiri daripada 8 halaman bercetak

Bahagian A [15 *markah*]

Jawab **semua** *soalan*

1. Antara berikut ciri manakah yang menjadikan Malaysia sebagai negara berdaulat?

   A Mewujudkan doktrin pengasingan

   B Mengamalkan demokrasi

   C Mempunyai penduduk yang berbilang kaum

   D Memiliki kerajaan yang mampu mentadbir sendiri

2. Yang manakah yang menunjukkan konsep kerajaan persekutuan?

   A Kerajaan pusat mempunyai kuasa dominan.

   B Kerajaan negeri mempunyai kuasa dominan.

   C Kerajaan pusat mempunyai kuasa yang terhad.

   D Kerajaan negeri mempunyai kuasa yang sama dengan kerajaan pusat.

3. Yang manakah berkaitan dengan agama dalam Perlembagaan Persekutuan?

   I Agama Islam merupakan agama rasmi Persekutuan.

   II Kuasa menggubal undang-undang Islam merupakan kuasa Parlimen.

   III Setiap orang boleh menyebarkan ajaran agamanya kepada penganut agama lain.

   IV Setiap orang boleh menubuh dan menyelenggarakan yayasan bagi agamanya

   A I dan II

   B I dan III

   C II dan IV

   D III dan IV

4 Penyataan yang manakah salah tentang akta?

   A Merupakan undang-undang bertulis

   B Undang-undang yang telah diwartakan

   C Undang-undang yang telah diluluskan oleh parlimen selepas tahun 1959

   D Undang-undang yang diluluskan oleh YDPA semasa darurat

5. Yang manakah fungsi Suruhanjaya Pilihan Raya?

I Menentukan calon yang bertanding dalam pilihan raya.

II Membuat kajian persempadanan semula kawasan pilihan raya.

III Menjalankan urusan pendaftaran pemilih baru dan semakan daftar pemilih.

IV Menetapkan tarikh persidangan pertama Dewan Rakyat selepas pilihan raya.

A I dan II

B I dan IV

C **II dan III**

D III dan IV

6. Antara berikut perkara manakah yang tidak melibatkan Yang Dipertua Negeri dalam Mesyuarat Majlis Raja-raja?

A Pemilihan dan pemecatan Yang DiPertuan Agong

B Pemilihan Penyimpan Mohor Besar Raja-raja Melayu

C Perubahan sempadan negeri Semenanjung Malaysia

D Persetujuan untuk mengisytiharkan proklamasi darurat

7. Yang manakah kes jenayah yang dibicarakan di Mahkamah Syariah?

A Wasiat

B Tidak menunaikan zakat.

C Ditangkap mencuri tabung masjid.

D Menuntut hak penjagaan anak selepas bercerai.

8. Yang manakah kriteria peruntukan kewangan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri?

I Keluasan negeri

II Jumlah penduduk

III Jaringan jalan raya

IV Jumlah pendapatan Kerajaan Negeri

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

9.

- Mewujudkan Integrasi Kerajaan Elektronik
- Menyelaras perancangan dan pembangunan tenaga manusia

Pernyataan di atas merujuk kepada peranan

A Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia

B Unit Penyelarasan dan

C Unit Inovasi Khas

D Jabatan Perkhidmatan Awam

10. Yang manakah pernyataan yang benar tentang Ketua Audit Negara?

A Pemilihannya adalah dalam kalangan ahli Parlimen

B Saraannya ditentukan oleh Yang di-Pertuan Agong

C Pelantikannya dibuat oleh suruhanjaya perkhidmatan Awam

D Pemecatannya oleh Yang di-Pertuan Agong atas syor tribunal

11.

Cukai Taksiran Harta

Lesen Pusat Hiburan

Pihak berkuasa yang bertanggungjawab untuk memungut hasil di atas ialah

A Pihak berkuasa tempatan

B Lembaga hasil dalam negeri

C Perbadanan perbangunan bandar

D Jabatan pernilaian dan perkhidmatan harta

12.

- **Meningkatkan keyakinan orang awam terhadap kerajaan**
- **Berkongsi maklumat yang jelas dengan pihak yang berkepentingan**

Maklumat di atas merupakan tadbir urus negara berteraskan prinsip

A Integriti

B Ketelusan

C Akauntabiliti

D Pengamanahan

Bahagian B [15 *markah*]

Jawab **semua** soalan

16. Nyatakan **empat** perkara pindaan Perlembagaan Persekutuan yang memerlukan sokongan 2/3 majoriti ahli Majlis Parlimen dan persetujuan Majlis Raja-Raja. [4m]

a)……..

b)……..

c)……..

d)……..

17. Nyatakan **tiga** keadaan yang menyebabkan kekosongan luar jangka kerusi Dewan Rakyat atau Dewan Undangan Negeri [3m]

a)……..

b)……..

c)……..

18. Jelaskan **dua** jenis Rang Undang-undang yang digubal oleh Parlimen Malaysia [4m]

a)……..

……..

b)……..

……..

19. Nyatakan **empat** faktor yang menjejaskan daya saing negara. [4m]

a)……..

b)……..

c)……..

BORANG JAWAPAN BAHAGIAN A

Sila hitamkan kotak jawapan pilihan anda sepenuhnya

No Soalan	Pilihan Jawapan			
1	A	B	C	**D**
2	**A**	B	C	D
3	A	**B**	C	D
4	A	B	C	**D**
5	A	B	**C**	D
6	**A**	B	C	D
7	A	B	**C**	D
8	A	B	**C**	D
9	**A**	B	C	D
10	A	B	C	**D**
11	**A**	B	C	D
12	A	**B**	C	D
13	A	B	**C**	D
14	A	**B**	C	D
15	A	**B**	C	D

15

Bahagian B [15 *markah*]

Jawab **semua** soalan

16. Nyatakan **empat** perkara pindaan Perlembagaan Persekutuan yang memerlukan sokongan 2/3 majoriti ahli Majlis Parlimen dan persetujuan Majlis Raja-Raja. [4m]

Bil	Idea
1	Hal Ehwal Agama Islam
2	Kewarganegaraan
3	Kedudukan Bahasa Kebangsaan
4	Keistimewaan Parlimen
5	Hak-hak dan kedaulatan Raja-raja
6	Tugas dan kuasa majlis Raja-raja
7	Kedudukan istimewa orang Melayu dan bumiputera di Sabah dan Sarawak
8	Pengubahan sempadan antara negeri di Semenanjung Malaysia

Pilih 4 jawapan sahaja

17. Nyatakan **tiga** keadaan yang menyebabkan kekosongan luar jangka kerusi Dewan Rakyat atau Dewan Undangan Negeri [3m]

Bil	Idea
1	**Hilang kelayakan** (muflis belum dilepaskan, dipenjara 1 tahun atau denda lebih rm2000, tidak sempurna akal memperoleh kewargaegraan asing, tidak menghadiri persidangan selama 6 bulan berturut-turut – DITERIMA)
2	**Meletakkan jawatan**
3	**Meninggal dunia**
4	**Dibatalkan kemenangan oleh mahkamah**

Pilih 3 jawapan sahaja

Bahagian C [50 *markah*]

20. Penglibatan remaja dalam gejala sosial memberi kesan kepada pelbagai pihak, dan penyelesaian yang sewajarnya perlu diambil bagi membendung masalah ini. Bincangkan.

Skema Jawapan :

Pendahuluan:

Golongan remaja penting untuk pembangunan negara dalam jangka masa panjang. Penglibatan mereka dalam gejala sosial bukan sahaja menjejaskan masa depan mereka bahkan turut memberi kesan kepada pihak lain.

Isi/idea:

Bil	***Isi / Idea***	***Huraian***
1	**Pihak** Kesan ke atas **individu**	• Menjejaskan masa depan remaja tersebut • dipandang serong dan dicemuh oleh masyarakat sekeliling • Tercicir daripada arus pendidikan • Kesukaran mendapat pekerjaan kerana tiada kelulusan / kemahiran
2	Kesan ke atas **keluarga**	• Menjejaskan kebahagiaan dan keharmonian keluarga • Membawa kepada masalah sosial yang lain seperti budaya lepak, ketagihan dadah dan lain-lain
3	Kesan ke atas **masyarakat**	• Masyarakat menjadi porak-peranda, berpecah belah dan tidak bersatu padu • Jika berlaku pergaduhan dalam masyarakat, akan wujud prasangka dalam masyarakat jika melibatkan kaum yang berbeza
4	Kesan ke atas **negara**	• Negara akan kehilangan pelapis genarasi kepimpinan pada masa hadapan • Peningkatan gejala social akan meningkatkan perbelanjaan kerajaan untuk mengurangkan kadar jenayah • Anasir luar akan meresap masuk ke dalam negara sekiranya remaja tidak tahu menjaga akhlak mereka
Bil	***Isi / Idea***	***Huraian***
5	**Penyelesaian** Melalui pendidikan	• Memperkasa pendidikan agama/moral di sekolah • Penerapan nilai murni melalui kokurikulum • Penghayatan nilai-nilai murni
6	Meningkatkan kempen kesedaran	• Mengenai kesan buruk jika terlibat dengan gejala sosial • Media massa boleh menayangkan filem / drama mengenai kesan buruknya • Kempen boleh meningkatkan kesedaran remaja

Suka sampel ini?

Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Pengajian Am

- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SEKARANG >

nightmew.com/p/stpm · FPX online banking · download serta-merta